

UniMAP, UPM terima anugerah penyelidik sains

Oleh Suhana Abdul Mutalib
bhvarsiti@bharian.com.my

► Kuala Lumpur

Pensyarah Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) dan dua pensyarah Universiti Putra Malaysia (UPM) masing-masing menerima Anugerah Nasional Fellowship untuk Wanita Dalam Sains daripada L'Oreal Malaysia.


Pensyarah UniMAP, Dr Hakimah Osman menjalankan penyelidikan mengenai pengeluaran lateks daripada pokok ubi kayu bagi menyelesaikan masalah alahan protein dalam lateks getah asli.

Dua pensyarah UPM iaitu Prof Madya Dr Wan Azlina



**ANUGERAH
ITU MENJADI
SUNTIKAN
SEMANGAT
UNTUK TERUS
BERGIAT AKTIF
DALAM BIDANG
PENYELIDIKAN"**

Dr Hakimah Osman,
Pensyarah UniMAP



Penerima anugerah (dari kiri), Zarinah, Dr Hakimah, Dr Wan Azlina, Dr Firdaus dan Andrew dalam Majlis Penyampaian Anugerah di Kuala Lumpur, baru-baru ini.

Wan Abdul Karim Ghani menerima anugerah sama melalui penyelidikan pembangunan hidrogel berasaskan biochar komposit.

Seorang lagi pensyarah UPM, Dr Firdaus Mukthar juga menerima anugerah itu menerusi penyelidikan mengenai kesan terapi tingkah laku kognitif untuk pesakit wanita dengan gangguan kebimbangan.

**Dana penyelidikan
RM20,000**

Mereka menerima anugerah geran RM20,000 dalam usaha menggalakkan lebih ramai wanita menghasilkan penyelidikan dalam bidang sains, khususnya sains hayat.

Pengerusi Suruhanjaya Sekuriti Malaysia, Tan Sri Zarinah Anwar menyampaikan semua anugerah dalam majlis khas di Kuala Lumpur, baru-baru ini.

Hadir sama Pengarah Urusan L'Oreal Malaysia, Andrew Stanleick.

Dr Hakimah menjadi ahli akademik kedua daripada UniMAP yang menerima pengiktirafan tertinggi syarikat kosmetik itu selepas Timbalan Dekan Pusat Pengajian Siswazah, Dr Ong Hui Lin menerimanya pada tahun lalu.

Dr Hakimah menyifatkannya sebagai pengiktirafan tertinggi pernah diterima apatah lagi persaingan sengit dalam kalangan saintis wanita muda.

Katanya, anugerah itu menjadi suntikan semangat untuk terus bergiat aktif dalam bidang penyelidikan sekali gus memacu UniMAP menjadi institusi penyelidikan terkenal pada peringkat nasional dan global.